

TEKS UCAPAN ALUAN

**YBHG. PROFESOR DATUK Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PROGRAM SEMARAK SISWA YAYASAN CANSELOR MADANI
UTeM @ GUNTUR NEGERI SEMBILAN**

17 Disember 2023 (Ahad)

Guntur Negeri Sembilan

SALUTASI

PROGRAM SEMARAK SISWA YAYASAN CANSELOR MADANI UTeM@GUNTUR NEGERI SEMBILAN


- 1. Yang Berhormat Puan Sri Bibi Sharliza binti Mohd Khalid**
Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Juasgeh, Negeri Sembilan
- 2. Yang Berhormat Datuk Seri Jamil bin Salleh**
Pengerusi Pemegang Amanah Yayasan Canselor UTeM
- 3. Yang Berbahagia Dato' Seri Hassan bin Malek**
Pemegang Amanah Yayasan Canselor UTeM
- 4. Yang Berusaha Prof. Ts. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- 5. Yang Berusaha Prof. Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 6. Yang Bahagia Prof Madya Datuk Dr Sabri Mohamad bin Sharif**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- 7. Para Pelajar TUAH VOLUNTEER TEAM (TVT) UTeM,**
Sukarelawan UTeM, dan
- 8. Yang diraikan masyarakat komuniti masyarakat orang asli Kg Gutur, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.**

SALUTASI

-Seperti di lampiran

1. Pertama sekali, saya ingin melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita semua dapat bertemu di dalam **Program Semarak Siswa Madani Universiti Awam (UA) UTeM@Guntur Bersama Yayasan Canselor UTeM.**
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Puan Sri Bibi Sharliza binti Mohd Khalid, Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Juasgeh, Negeri Sembilan** kerana sudi bersama-sama pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Yang

Berhormat Puan Sri pada hari ini menunjukkan semangat seorang pemimpin yang sentiasa turun padang untuk menyelami budaya hidup masyarakat seterusnya membantu untuk meringankan beban masyarakat setempat.

- 
3. Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah mengatur dan memberi peluang kepada Yayasan Canselor UTeM untuk turut hadir bersama-sama dalam majlis ini. Semoga jalinan hubungan ini bukan sahaja pada program pada hari ini bahkan juga di masa akan datang.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

4. Saya difahamkan bahawa seramai 380 orang komuniti Orang Asli hadir pada hari ini. Program-program sebegini diadakan bagi memenuhi inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi, KPT bagi menjayakan program TVET@Komuniti Madani untuk meningkatkan keterlihatan UTeM sebagai sebuah Universiti Awam dengan menyalurkan bidang kepakaran dan tujuan kepada masyarakat setempat.

5. Untuk makluman semua, UTeM merupakan Universiti Teknikal dan salah satu daripada 4 buah Universiti Awam di dalam Malaysian Technical University Network (MTUN). Majoriti program

yang ditawarkan di UTeM merupakan program yang berasaskan TVET iaitu program pendidikan yang menumpukan kepada kemahiran dan teknikal dan vokasional. Kami bukanlah universiti yang memberi penekanan kepada teori semata-mata tetapi juga kepada praktikal mengikut amalan industri. Kepakaran yang UTeM peroleh kami kongsikan kepada masyarakat setempat melalui program-program seperti ini dengan harapan ianya akan dapat membantu anda semua.

6. Selain itu, program yang dianjurkan ini juga diharapkan dapat memastikan komuniti orang asli di semua peringkat dapat memahami dan menghayati program Semarak Siswa Madani

dengan lebih jelas. Diharapkan program ini akan dapat mencerminkan usaha dan kesungguhan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memenuhi keperluan negara serta sejajar dengan kehendak yang diperlukan.

Para hadirin sekalian yang dihormati sekalian,

7. Selain daripada tumpuan dalam bidang akademik, pihak UTeM juga turut memberi perhatian terhadap pembangunan kemahiran dan kerjaya masyarakat Orang Asli melalui program latihan kemahiran TVET. Program ini dapat meningkatkan kemahiran belia-belia Orang Asli supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau dapat mengusahakan perniagaan sendiri yang

boleh memberi pendapatan yang lebih tinggi dan dapat keluar daripada belenggu kemiskinan.

8. Kami percaya bahawa ilmu serta kepakaran merupakan senjata utama dalam memastikan nasib seseorang dan sesebuah masyarakat dapat dibentuk. Seperti yang diungkapkan oleh Kofi Annan:

Knowledge is power. Information is liberating. Education is the premise of progress in every society, in every family.

Oleh yang demikian, program ini dianjurkan khas untuk berkongsi kepada masyarakat setempat ilmu pengetahuan serta kepakaran

yang kami peroleh untuk kemaslahatan bersama dan diharapkan ianya mampu memberi kesedaran kepada komuniti terhadap kepentingan ilmu serta bakat dalam memastikan pembangunan sesebuah komuniti.

- 
9. Saya juga ingin mengambil peluang pada hari ini untuk menyeru kepada anak jati masyarakat Orang Asli yang ingin menyambungkan pengajian, pintu di UTeM sentiasa terbuka. Insha Allah keberadaan Yayasan Canselor sentiasa membantu golongan-golongan B40 bagi yang berminat dan berkelayakan. Bantuan biasiswa akan seiring dalam memastikan anak jati berjaya sehingga ke menara gading.

10. Akhir kata, semoga program ini memberi seribu makna buat masyarakat komuniti masyarakat orang asli Kg Gutur. Tahniah dan syabas kepada pihak Yayaan Canselor UTeM dan Hal Ehwal Pelajar (HEPA).



11. Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh